



BULETIN KELAB ALAM

Edisi 1/2011



Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

Perutusan Penaung

Assalamualaikum dan Salam 1 NRE

Selamat membaca Buletin Kelab Alam, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kelab Alam NRE, merupakan wadah pemangkin membangunkan sahsiah setiap Warga NRE. Oleh yang demikian, setiap warga NRE yang berkhidmat di NRE perlulah menyertai Kelab Alam NRE, di samping dapat mengikuti pelbagai aktiviti yang dianjurkan setiap warga juga dapat bersua kenal di antara satu sama lain dan ini sekali gus mewujudkan suasana kerja yang lebih majmuk dan muhibah di kalangan warga dan pengurusan atasan NRE.

Terima kasih diucapkan kepada Biro-biro Kelab Alam NRE yang telah bertungkus-lumus menyiapkan Buletin Edisi Pertama 2011 Kelab Alam NRE. Kerjasama semua amat dihargai dan disanjung tinggi.

Kepada seluruh warga NRE, marilah menyertai Kelab Alam NRE dan bersama mengaktifkan aktiviti berpersatuan di kalangan kakitangan awam.

Sekian, Terima kasih.

Dato' Zoal Azha Yusof

PENAUNG

YBHG.DATO' ZOAL AZHA
BIN YUSOF

PENASIHAT

ENCIK BABA BIN HASAN

KETUA EDITOR

PUAN NORHAZILAH

KUMPULAN EDITOR

PUAN SITI HANIZAH

PUAN LATIFFAH

PUAN FAHIDA

PUAN RASNIDAAYU

PUAN NOOR FAZINI

ENCIK ADY HAZMAN

CIK INA TISHA

CIK NASREEN KHAMIR



SEKAPUR SIRIH YANG DIPERTUA KELAB ALAM

Assalamualaikum dan Salam 1NRE

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat, keizinan dengan perkenanNya, di mana buat julung kalinya Kelab Alam NRE dapat menghasilkan Buletin Kelab Alam untuk tatapan semua ahli Kelab Alam, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar.

Kemuafakatan yang utuh antara warga NRE dan komitmen tinggi semua ahli serta Biro Kelab Alam, kita telah berjaya menempa beberapa kejayaan sehingga ke peringkat kebangsaan merentasi negara selama penubuhan Kelab Alam ini. Kejayaan yang dirangkul ini diharapkan akan meninggalkan kenangan yang manis di dalam hati warga NRE yang bakal atau yang telah meninggalkan NRE ini dan menjadi motivasi untuk bergerak lebih maju dan cemerlang pada masa akan datang walau di mana jua.

Berpersatuan merupakan satu-satunya wahana yang diiktiraf oleh kerajaan dan ia juga antara penyumbang kepada markah tambahan di dalam LNPT setiap kakitangan awam. Di samping itu, besar harapan saya agar seluruh warga NRE dapat terus menerus memberikan sokongan pada Kelab Alam NRE ini bagi terus memastikan kelangsungan pencapaian yang lebih cemerlang dalam berpersatuan.

Akhir kata, marilah sama-sama kita menyertai Kelab Alam NRE dan mengikuti setiap aktiviti selain memberi sokongan untuk melahirkan warga NRE yang berkualiti dan cemerlang, Sekian, Terima kasih di atas sokongan.

Baba bin Hasan

KATA ALUAN

PENGERUSI BIRO PULISITI & FOTOGRAFI

Assalamualaikum dan Salam 1NRE

Pertama sekali saya selaku Pengerusi Biro Publisiti dan Fotografi bersyukur ke hadrat ILAHI atas segala petunjuk dan kekuatan yang dikurniakan kepada sidang redaksi bagi menghasilkan Buletin Kelab Alam 2011 ini.

Seperti yang sedia maklum bahawa terdapat banyak faedah dengan menyertai Kelab Alam NRE ini dan di antaranya adalah penyumbang markah LNPT kepada setiap kakitangan yang menyertainya. Selain itu, dengan menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Alam NRE ia juga menggalakkan budaya bekerjasama sesama kita di dalam satu Kementerian.

Akhir kata, selamat membaca Buletin Kelab Alam NRE dan bagi yang belum mendaftarkan diri sebagai ahli Kelab Alam NRE, silalah berbuat demikian.

Sekian, terima kasih.

Norhazilah binti Mahat

Ahli Jawatankuasa Kelab Alam, NRE

Penaung	Y.B Dato' Douglas Uggah Embas Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
Penasihat	Y. Bhg. Dato' Zoal Azha bin Yusof Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Yang Dipertua	Encik Baba bin Hasan
Timbalan Yang Dipertua	Encik Othman bin Asmaon
Setiausaha Kehormat	Encik Kamarul Azman bin Ahmad Sabri
Penolong Setiausaha Kehormat	Cik Norlilawati binti Ramli
Bendahari Kehormat	Encik Badiuzaman bin Bachok @ Mohd Noor
Ahli Jawatankuasa Kerja	
Pengerusi Biro Kebajikan	Puan Ainon binti Hair
Pengerusi Biro Kerohanian	Tuan Hj. Abdul Aziz bin Ismail
Pengerusi Kebudayaan	Tiada
Pengerusi Biro Pendidikan	Encik Othman bin Asmaon
Pengerusi Biro Sukan	Encik Mohd. Tamizi bin Shafiin
Pengerusi Biro Rekreasi & Sosial	Encik Sazali bin Sahalan
Pengerusi Biro Publisiti dan Fotografi	Puan Norhazilah binti Mahat


Berita Khas Kelab

Majlis Pelancaran NRE Cyclist dan Perasmian GIM NRE

Tarikh : 6 Oktober 2010
 Lokasi : Wisma Sumber Asli, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Putrajaya.

Majlis Pelancaran NRE Cyclist dan Perasmian GIM NRE telah berlangsung diruang legar di antara Blok Menara dan Podium. Majlis disempurnakan oleh Y.B Dato' Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.


Sumbangan sebanyak sepuluh (10) buah basikal telah di terima oleh Kelab Alam, NRE, sekali gus merealisasikan penubuhan pasukan NRE Cyclist.



Laporan Biro Rekreasi & Sosial

RIADAH BERBASIKAL LALUAN HUTAN

Tarikh : 1 Januari 2011
Masa : 8.30 pagi
Lokasi : Hutan Simpan FRIM,
Kepong



Bagi memahami budaya beriadah secara berkumpulan dan menguji kekuatan mental dan fizikal, sabar menghadapi perbagai rintangan di trek yang berbukit dan berlubang sejauh 22 km. Mengambil peluang dan mengetahui lebih dekat lagi tempat beriadah yang terdapat di agensi di bawah NRE.

RIADAH BERBASIKAL 2 KALI SEBULAN

- Tarikh : Setiap minggu pertama dan ketiga hari Jumaat setiap bulan
- Masa : 5.30 – 7.30 petang
- Tempat : Sekitar Tasek Putrajaya

Menerapkan budaya melakukan pelbagai aktiviti riadah di samping menikmati keindahan di sekitar Tasik Putrajaya secara santai dengan berbasikal sejauh 8 km.



Laporan Biro Pendidikan

PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK KELAB ALAM

Tarikh: 29 Disember 2010 (Rabu)

Tempat: Dewan Baiduri, NRE

Pertandingan ini terbuka kepada anak-anak kepada ahli Kelab Alam.

Pertandingan ini mendapat sambutan yang agak menggalakkan daripada ahli Kelab Alam pada awalnya.

Walau bagaimanapun, pada hari berlangsungnya pertandingan, didapati seramai 39 orang kanak-kanak sahaja yang telah mendaftarkan diri untuk bertanding.

Pada awalnya, hanya 3 kategori telah pertandingan untuk kanak-kanak tersebut iaitu kategori kanak-kanak berumur 4-6 tahun, 7-9 tahun dan 10-12 tahun. yang ingin turut serta.



Namun semasa hari berlangsungnya pertandingan mewarna tersebut, 1 kategori bagi kanak-kanak di bawah 4 tahun telah ditambah memandangkan terdapat beberapa orang kanak-kanak yang berumur 2-3 tahun



Juruacara bagi pertandingan ini adalah Cik Ina Tisha binti din Merican manakala juri bagi pemarkahan adalah Encik Othman Asmaon, Timbalan Yang Dipertua Kelab Alam dan Encik Sazali Sahalan, AJK Kelab Alam.



Selain dari Pertandingan Mewarna, acara lain untuk menarik minat kanak-kanak juga telah dilakukan seperti Tarian Chicken Dance dan Permainan Kotak Beracun.



Berikut adalah pemenang bagi setiap kategori.

Kategori Kanak-kanak Bawah 4 Tahun	Kategori Kanak-kanak 4-6 Tahun
Nur Aneesa Maisara Hannah Humaira binti Shahrizal Ide Akid Madhihah binti Mohd Fauzi Latif	Sofea Azzma binti Mohammad Azziyadi Muhammad Izz Darwish Wan Izzaty Fatini binti Wan Faizal Nur Insyirah binti Novbli Muhamad Fafiq bin Radzini
Kategori Kanak-kanak 7-9 Tahun	Kategori Kanak-kanak 10-12 Tahun
Marsya Husna binti Faizal Nur Farhaty Hanum binti Mazli Muhammad Firhad Hakimi bin Mazli Ainul Rafie bin Novbli Wan Izzaty Farhana binti Wan Faizal	Nuratiqah Mohamad Ainam bin Karim Nur Nadia binti Karim Muhd Fadhil bin Zulfaqar

Laporan Biro Kerohanian

Tarikh : Setiap hari Isnin hingga Jumaat
Masa : 1.00 petang—2.00 petang
Tempat : Surau An-Nur NRE



Ceramah dan pengajian kitab sering diadakan setiap hari bermula Isnin hingga Jumaat pada jam 1.00petang hingga jam 2.00petang dengan diakhiri solat fardu Zuhur berjemaah.


Selain itu, anjuran ceramah perdana turut diadakan bersempena sebarang sambutan atau hari kebesaran Islam.



Laporan Biro Sukan

Tarikh : 8 Feb 2011
Masa : Selepas waktu kerja
Tempat : Pusat Bowling Alamanda, Putrajaya

Aktiviti bersukan diadakan mengikut perancangan tahunan Biro Sukan. Tujuan aktiviti adalah bagi mewujudkan persekitaran yang sihat di kalangan ahli Kelab Alam dalam melahirkan pekerja yang sihat dan cerdas lagi cergas. Pelbagai aktiviti sukan persahabatan di aturkan sepanjang tahun seperti futsal, badminton, bowling, bola sepak dan ping pong.



Laporan Biro Kebajikan

Tarikh : 19 Jun 2010 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Kompleks Yayasan Al Jenderami, Dengkil

Di samping menghulurkan sumbangan hasil kutipan derma dan pakaian daripada warga NRE, sesi ini juga memberi pengalaman dan kesedaran kepada ahli-ahli yang turut menghadirinya. Terima kasih diucapkan kepada semua Warga NRE yang memberikan sumbangan.



Tajuk : Festival Lagu-lagu Dakwah
Peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Tarikh : 28 Oktober 2010

Tempat : Dewan Baiduri, NRE

Kelab Alam telah berbesar hati memberi sumbangan berbentuk pakaian pertandingan bagi kumpulan nasyid dari NRE yang diberi nama Soutun Najjah atas kejayaan kumpulan ini melayakkan diri ke peringkat akhir Festival Lagu-lagu Dakwah Peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Soutun Najjah yang terdiri daripada 6 orang ahli iaitu En. Kamarul Azman B. Ahmad Sabri, Mohd Azhar B. Mohd Din, Emmy Farhany Bt. Ahmad, Fadzilah Bt. Misbah, Mohd Tamizi B. Shafiin dan Noor Ridzuan B. Abd Rahman telah mendendangkan 2 buah lagu iaitu Layar Keinsafan dari kumpulan Mestica dan lagu baru bertajuk Ya Ummah ciptaan tenaga pengajar dari kumpulan nasyid Far East iaitu En. Ahmad Fadzli Bakar

Walau bagaimanapun, tahniah buat Soutun Najjah kerana bergelar Juara bagi Festival Lagu-lagu Dakwah Peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar!!



PERLEMBAGAAN KELAB ALAM, NRE

Tujuan dan Objektif

- 1) Memajukan aktiviti sosial, sukan dan kesejahteraan semua ahli keseluruhannya.
- 2) Menanam semangat kerjasama dan perpaduan sesama ahli.
- 3) Menerima sebarang sumbangan daripada luar untuk menjayakan objektif Kelab dengan kebenaran bertulis dari Pendaftar Pertubuhan dan Pihak Berkuasa

Keahlian

1. Ahli Biasa Kelab ini hendaklah terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia (NRE), iaitu kakitangan di Bahagian-bahagian sahaja dan tidak termasuk Jabatan-Jabatan di bawahnya.
2. Ahli Kehormat adalah terdiri daripada bekas ahli-ahli Kelab yang telah banyak berjasa kepada Kelab serta dilantik secara undian majoriti dalam Mesyuarat Agung Tahunan / Mesyuarat Agung Khas.
3. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha Kehormat yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
4. Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang dinyatakan di atas, hendaklah setelah membayar yuran ditetapkan diterima menjadi ahli Kelab dan berhaklah ia sebagai ahli.
5. Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Kelab ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

Bayaran Masuk, Yuran dan Bayaran Lain

- 1) Bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut :
 - a) Bayaran masuk ahli biasa ialah sebanyak RM5.00 (Ringgit Malaysia : Lima Sahaja)
 - b) Bayaran yuran bulanan ahli biasa adalah seperti berikut:
 - Gred Utama/Khas C ke atas
 - RM20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh sahaja)
 - Gred 52 hingga Gred 54
 - RM12.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas sahaja)
 - Gred 41 hingga Gred 51
 - RM6.00 (Ringgit Malaysia: Enam sahaja)
 - Gred 22 hingga Gred 40
 - RM3.00 (Ringgit Malaysia: Tiga sahaja)
 - Gred 1 hingga Gred 21
 - RM2.00 (Ringgit Malaysia: Dua sahaja)
 - c) Ahli Kehormat—Tiada bayaran
- 2) Yuran bulanan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh sepuluh (10) hari dari awal tiap-tiap bulan.
- 3) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua (2) bulan akan menerima surat peringatan yang di tandatangan oleh atau wakil Setiausaha Kehormat, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.
- 4) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi tiga (3) bulan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Kelab dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

- 5) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
- 6) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir ,e,bayar yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.
- 7) Ahli-ahli yang Bercuti Tanpa gaji atau Cuti Belajar Bergaji Penuh atau Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji adalah dikehendaki menjelaskan tunggakan yuran selepas kembali bertugas secara tunai.

Kelebihan Menyertai Kami...

- a) Dapat menyertai aktiviti sosial dan sukan yang dianjurkan;
- b) Dapat menanam semangat kerjasama dan perpaduan sesama ahli;
- c) Layak memperoleh sugu hati kerana perkahwinan, mendapat cahaya mata dan sebagainya;
- d) Boleh menggunakan kemudahan yang disediakan secara percuma seperti gimnasium, peralatan sukan dan lain-lain; dan
- e) Digunakan sebagai salah satu aktiviti luar dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

HARI BUMI SEDUNIA

Hari Bumi disambut setiap 22 April adalah khusus untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan kepada khazanah alam yang semakin pupus, disebabkan peningkatan jumlah manusia, keperluan untuk pembangunan serta ketiadaan pemuliharaan yang tersusun.



Antara pertubuhan NGO paling konsisten melaksanakan program Hari Bumi ialah Persatuan Pemuliharaan Terumbu Karang Malaysia (*Coral Malaysia*), yang menerima sokongan padu Kementerian Pelancongan, Tourism Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



Diharapkan sambutan ini akan mewujudkan kesedaran di kalangan penduduk bumi bagi memastikan bumi yang merupakan tempat tinggal kita ini sihat dan selamat. Hari ini genaplah 40 tahun Sambutan Hari Bumi diraikan di seluruh dunia.

Selamat Menyambut Hari Bumi!

INFO SIHAT

TEH MAMPU MELAWAN PELBAGAI RISIKO PENYAKIT

Menikmati teh bukanlah suatu yang asing bagi sebahagian penduduk dunia. Teh menjadi pilihan untuk dinikmati tidak kira waktu pagi, petang ataupun malam dari tempat mewah hingga ke warung-warung di tepi-tepi jalan.

Teh diolah dengan pelbagai aroma dan campuran seperti teh halia, teh herba, teh hijau, teh *chamomile* dan lain-lain menjadikan ia bertambah enak untuk dinikmati.

Di sebalik kenikmatan dan kelazatan teh, terkandung juga khasiat yang menyihatkan badan dan mampu mencegah dari serangan penyakit terutama sekali teh hijau. Banyak kajian telah membuktikan antioksidan yang terdapat dalam teh dapat melindungi tubuh daripada penyakit tertentu seperti masalah *kardiovaskular*, *stroke* dan kanser. *Flanovoid* iaitu sejenis antioksidan yang terdapat dalam 3 cawan teh adalah lapan kali lebih kuat daripada yang diperolehi daripada sebiji epal.

Bahaya Teh

Sekalipun memiliki banyak manfaat, perlu diingat bahawa teh juga mengandungi kafein. Jika diambil secara berlebihan, ia dapat menyebabkan beberapa gangguan seperti insomnia, berdebar hati dan ketidakaturan detak jantung. Namun kandungan kafein dalam teh masih tetap lebih rendah jika dibandingkan dengan kopi atau minuman ringan bersoda.



Berikut disenaraikan khasiat teh hijau secara ringkas :

Membantu membakar lemak

Melindungi daripada hepatitis

Melindungi daripada diabetes

Mencegah keracunan makanan

Menurunkan tekanan darah



T	A	P	E	S	T	K
N	R	T	G	B	O	N
P	A	G	N	A	E	H
K	A	K	I	U	B	A
E	I	T	A	N	D	P
L	E	S	I	G	A	A
I	B	R	O	N	N	T

PERKATAAN
TERSEMBUNYI

Ikan Air Tawar

BAUNG

SEPAT

KELI



TAPAH

PATIN

Cari 10 batang pensel yang tersembunyi.



GAMBAR AKTIVITI



TAHUN 2010



Kelab Alam boleh dicapai melalui laman sosial Facebook :

www.facebook.com/Kelab Alam NRE

Jom sertai kami....

Pelbagai aktiviti menarik melalui Biro –biro yang terdapat di bawah Kelab Alam NRE seperti :

Biro Ekonomi

Biro Kebajikan

Biro Kebudayaan

Biro Kerohanian

Biro Pendidikan

Biro Sukan

Biro Rekreasi & Sosial

Biro Publisiti & Fotografi

CATATAN

